

20 FEB 2001

FIDEL CASTRO AKAN LAWAT MALAYSIA

PUTRAJAYA, 20 Feb (Bernama) -- Presiden Cuba Fidel Castro akan melawat Kuala Lumpur tahun ini ketika Malaysia dan Cuba sedang mempertingkatkan hubungan dua hala.

Ini dinyatakan oleh Menteri Luar Cuba Felipe Perez Roque selepas beliau mengunjungi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di pejabat Perdana Menteri di sini hari ini.

Pada pertemuan itu, Roque menyerahkan surat daripada Castro kepada Dr Mahathir yang mengesahkan hasrat pemimpin Cuba itu untuk melawat Malaysia tahun ini.

Roque juga melahirkan penghargaannya kepada kerajaan Malaysia kerana membuat keputusan untuk membuka kedutaannya di Cuba menjelang akhir bulan ini.

"Langkah ini adalah bukti kesungguhan kedua-dua negara untuk mengukuhkan hubungan dua hala," katanya kepada pemberita.

Cuba membuka kedutaannya di Kuala Lumpur pada 1998.

Roque juga berterima kasih kepada Dr Mahathir kerana pendiriannya yang tegas membantah sekatan ekonomi dan pemulauan yang dikenakan terhadap Cuba.

Beliau berkata keazaman kedua-dua pemimpin akan menjadi asas kepada hubungan yang lebih mantap antara Cuba dan Malaysia.

-- BERNAMA

ARG ZS MAI